



PERUTUSAN
YB DATUK SERI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2018

22 Mac 2018

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Alam Sekitar

Air merupakan sumber bumi yang amat berharga dan perlu di uruskan sebaik mungkin bagi memastikan ia kekal tersedia, bukan hanya untuk pembangunan negara tetapi turut membantu mengekalkan ekosistem serta memastikan kelestarian dan jaminan sumber air.

Umum mengetahui 60% daripada tubuh manusia terdiri daripada air dan hampir 70% permukaan bumi dilitupi air. Manusia dan alam sekitar bergantung sepenuhnya kepada air. Persekitaran semulajadi itu pula harus bebas daripada pencemaran dan dipelihara bagi melindungi sumber air di dalamnya, bertepatan dengan tema Hari Air Sedunia (HAS) pada tahun ini iaitu '*Nature for Water*'. Jika persekitaran semulajadi kita terpelihara, maka sumber air kita akan dilindungi.

Mengikut rekod kajian yang telah dijalankan oleh *United Nation* (UN), dianggarkan sejumlah 840,000 orang mati setiap tahun disebabkan kekurangan bekalan air minum. Masalah ini disebabkan oleh takungan air yang telah berkurangan dan bekalan air yang tidak bersih serta tidak selamat untuk diminum.

Di peringkat nasional pula, sejak tahun 1970-an, kepentingan isu sumber asli termasuk sumber air di Malaysia telah dititikberatkan. Walaubagaimanapun, dalam usaha mencapai pengurusan sumber air yang mampan, kita menghadapi tiga cabaran iaitu pembaziran air, peningkatan penduduk dan perubahan iklim.

Pembaziran Air

Malaysia merupakan salah satu negara yang dirahmati dengan purata taburan air hujan yang tinggi iaitu lebih kurang 2500 milimeter (mm) hingga 3000 milimeter (mm) setahun bersamaan isipadu kira-kira 971 billion meter padu (BCM) setahun.

Jumlah air yang banyak telah membawa kepada penggunaan air yang tinggi di Malaysia disebabkan oleh budaya masyarakat, keagamaan, sikap dan gaya hidup serta kadar tarif air yang rendah jika dibandingkan dengan negara lain. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyatakan penggunaan per kapita penduduk di negara ini adalah sebanyak 209 liter per kapita. Sasaran negara di masa hadapan adalah untuk mengurangkan penggunaan ke 180 liter per kapita dan ini memerlukan perubahan amalan penggunaan air harian.

Peningkatan penduduk dan perubahan budaya penggunaan air

Berpandukan kajian Jabatan Perangkaan Malaysia, peningkatan penduduk di Malaysia akan bertambah setiap tahun sebanyak 7% dan bilangan penduduk Malaysia akan mencapai 39 juta orang pada tahun 2050. Dengan jumlah peningkatan penduduk sebegini, maka jumlah keperluan air dalam semua sektor dijangka akan melonjak kepada 21,000 juta meter padu (mcm), peningkatan sebanyak 21% berbanding dengan jumlah keperluan air sebanyak 17,500 juta meter padu (mcm) pada tahun 2015. Ini akan memberi kesan kepada sumber air jika masih terus

bergantung kepada 15% -18% takungan sumber air. Antara sektor yang paling tinggi dalam penggunaan air adalah sektor pertanian yang mana hampir 70% penggunaannya adalah daripada keseluruhan sumber air. Bagi mengatasi penggunaan air yang dijangka meningkat ini, kita mesti mengubah budaya penggunaan air melalui peningkatan amalan-amalan penjimatan air. Dari segi infrastruktur pula, storan atau takungan sumber air negara perlu ditingkatkan ke 25% bagi menambahkan bekalan.

Perubahan iklim

Negara kita juga tidak dapat lari daripada terkesan dengan perubahan iklim. Antara fenomena yang berlaku disebabkan perubahan iklim adalah bencana alam seperti-banjir dan kemarau yang panjang, kenaikan paras air laut, tanah runtuh, hakisan pantai dan cerun, kebakaran hutan dan jerebu. Di samping itu, ia turut memberi kesan ke atas keselamatan dan kesihatan manusia, menggugat ekonomi negara dan mengancam jaminan sumber air dan makanan.

Kerajaan amat prihatin tentang impak perubahan iklim terhadap ketersediaan sumber air di negara kita. Hakikatnya, pengurusan air negara masih belum mencapai tahap yang membanggakan dan usaha perlu dilipatgandakan demi menjamin ketersediaan air bagi generasi akan datang. Atas kesedaran itu, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Sumber Air Negara (DSAN) yang menjadi panduan lengkap dan menyeluruh bagi membantu tadbir urus air sumber air negara. DSAN menetapkan hala tuju strategik dan rangka kerja bagi tindakan strategik untuk memastikan sumber air diguna dan dibangunkan secara lestari untuk manfaat negara, penduduk dan alam sekitar.

Dasar ini menjadi panduan kepada langkah tadbirurus yang seterusnya iaitu penggubalan Rang Undang-undang Sumber Air. Undang-undang ini bertujuan menggantikan Akta Air yang telah lama diguna pakai semenjak zaman penjajah yang tidak lagi relevan pada masa kini. Rang Undang-undang Sumber Air bertujuan menyeragamkan undang-undang air bagi membolehkan pertimbangan dan penilaian yang samarata bagi sumber air di setiap negeri. Melalui sokongan Rang Undang-undang Sumber Air, konsep pengurusan air bersepadu dapat dilaksanakan secara saksama seluruh negara.

Bagi meningkatkan kebolehan mengurus air, NRE melalui JPS sedang membangunkan beberapa sistem yang inovatif seperti *National Water Balance System* (NAWABS) dan *National Flood Forecasting and Warning System* (NAFFWS) di lembangan-lembangan sungai di Malaysia. Pembangunan sistem ini bermula sejak tahun 2015 dan akan diteruskan sehingga ke Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ketigabelas (RMKe-13). Sistem NAWABS bakal dilaksanakan di 50 lembangan sungai-sungai utama di negara. Sistem berpusat ini akan membantu pengurus-pengurus sumber air negeri dalam mengurus lembangan sungai dengan lebih sistematik. Ia berupaya mengenalpasti kuantiti dan ketersediaan sumber air di negeri-negeri pada masa hadapan bagi kegunaan domestik, industri dan pertanian. NAWABS bakal memberi kebolehan perancangan strategik air yang efektif kepada pentadbir negeri.

Menyedari bahawa storan fizikal air perlu ditingkatkan sehingga 25% daripada keseluruhan takungan sumber air yang sedia ada, kaedah alternatif penyimpanan air mentah di kawasan hilir sungai yang dinamakan *Off River Storage* (ORS) akan dilaksanakan. ORS adalah

kolam takungan yang dibina bagi menakung air mentah yang dipamkan dalam keadaan biasa daripada sungai yang berhampiran. Kadar pengepaman ini boleh ditingkatkan pada ketika musim hujan bagi memastikan kapasiti kolam takungan ORS ini mencapai paras maksimum. Pada musim kemarau bila paras air sungai rendah, air takungan ORS ini boleh dilepaskan ke dalam sungai bagi tujuan meningkatkan pengalirannya.

Sambutan Hari Air Sedunia bagi tahun ini adalah '*Nature for Water*'. Ini bermakna penyelesaian yang diguna pakai untuk menghadapi cabaran sumber air pada abad ke-21 ini adalah berasaskan kepada kaedah semulajadi iaitu '*Nature-based Solutions*' (NBS). Kempen bertajuk '*The answer is in nature*' telah dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran tentang kaedah NBS ini. Pendekatan NBS yang digunakan adalah seperti menanam pokok untuk menambah keluasan hutan dan memulihkan semula kawasan paya atau '*Wetland*'. Cara-cara ini adalah lebih mampan, brimpak tinggi dan kos efektif dalam membantu keseimbangan kitaran air, mengurangkan kesan perubahan iklim dan meningkatkan kualiti kehidupan manusia demi membuka peluang kepada kemajuan sosial dan ekonomi yang lebih luas. NBS adalah selaras dengan konsep *Integrated Water Resources Management* (IWRM) yang digunapakai oleh Kerajaan semenjak tahun 2001.

Akhir kata, adalah menjadi harapan dan hasrat saya dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk melihat semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan sumber air untuk bekerjasama merealisasikan pelaksanaan pengurusan sumber air negara secara bersepadu bagi memastikan pengurusan sumber air negara yang

lestari dan menyokong agenda pembangunan ekonomi negara demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.